

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN TAN KOK WAI
(CHERAS)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 18.05.2016

Y.B. TUAN TAN KOK WAI [CHERAS] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- a. jumlah peruntukan yang dipotong di bawah Bajet 2016 bagi setiap Kementerian di tengah-tengah suasana ekonomi yang mencabar ini; dan
- b. bagaimana fungsi dan kualiti penjagaan kesihatan awam tidak terjejas meskipun terdapat pengurangan dalam peruntukan asal.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pecahan pengurangan Peruntukan Mengurus dan Pembangunan

mengikut Kementerian, Jabatan dan Agensi Persekutuan adalah seperti berikut:

Bil	Kementerian/Jabatan/ Agensi Persekutuan	Peruntukan Mengurus RM juta	Peruntukan Pembangunan RM juta
1	Parlimen	1.9	-
2	Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja	0.066	-
3	Jabatan Audit Negara	2.4	-
4	Suruhanjaya Pilihan Raya	5.7	-
5	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	1.2	-
6	Jabatan Perdana Menteri	199.0	1,479.8
7	Jabatan Perkhidmatan Awam	75.0	-
8	Jabatan Peguam Negara	2.9	-
9	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia	4.3	-
10	Perbendaharaan	127.5	208.0
11	Pekhidmatan Am Perbendaharaan	1,281.4	-
12	Peruntukan Kepada Kumpulan Wang Terkanun	366.4	-
13	Kementerian Luar Negeri	14.2	-
14	Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi	4.8	52.0
15	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani	100	205.0
16	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah	120	865.8
17	Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar	17.9	60.0
18	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri	12.8	111.0
19	Kem. Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan	18.0	-
20	Kementerian Kerja Raya	161.5	-
21	Kementerian Pengangkutan	31.4	-
22	Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air	3.8	193.5
23	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi	20.0	178.2

24	Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan	25.0	30.0
25	Kementerian Wilayah Persekutuan	14.8	-
26	Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran	0.24	-
27	Kementerian Kesihatan	383.6	-
28	Kementerian Kesejahteraan B'dr, Perumahan & Kerajaan Tempatan	84.5	187.0
29	Kementerian Belia dan Sukan	14.0	-
30	Kementerian Sumber Manusia	19.0	10.0
31	Kementerian Komunikasi dan Multimedia	39.3	120.0
32	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	28.0	-
33	Kementerian Pertahanan	286.0	-
34	Kementerian Dalam Negeri	120.0	-
35	Kementerian Pendidikan	350.0	200.0
36	Kementerian Pendidikan Tinggi	15.0	100.0
	JUMLAH	3,951.6	4,000.3

Tuan Yang di-Pertua,

Pengurangan peruntukan berikutan Pengubahsuaian Bajet 2016 bagi Kementerian Kesihatan adalah berjumlah RM 383.6 juta iaitu 1.7% daripada keseluruhan peruntukan yang disediakan. Rakyat masih dapat mengakses perkhidmatan kesihatan berkualiti melalui hospital, klinik kesihatan, Klinik 1Malaysia, Klinik Bergerak dan Klinik Bergerak 1Malaysia. Pihak pengurusan Kementerian juga telah menyusun

semula keutamaan program yang terlibat bagi memastikan program yang mempunyai impak langsung kepada rakyat tidak terjejas melalui pendekatan mengoptimumkan perbelanjaan Kementerian.